

[THE CONCEPT AND ROLE OF QARĀ'IN IN DETERMINING THE FABRICATION OF A HADITH: AN ANALYSIS OF THE HADITH ON SEEKING KNOWLEDGE AS FAR TO CHINA]

KONSEP DAN PERANAN QARĀ'IN DALAM PENENTUAN PALSU SESEBUAH HADITH: ANALISIS HADITH MENUNTUT ILMU SEHINGGA KE CINA @ CHINA

DZULFAIDHI HAKIMIE BIN DZULRAIDI¹

¹Calon PhD, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: dzuldzulraidi@gmail.com

Received: 11th May 2025

Accepted: 25th May 2025

Published: 1st June 2025

ABSTRACT

A fabricated hadith, or maudhū', refers to a hadith that cannot be authentically attributed to the Prophet Muhammad SAW, whether due to error, ignorance, or intentional fabrication. In this study, fabricated hadiths are divided into two main categories: those unanimously agreed to be fabricated and those disputed. Most previous studies have discussed the reality and methods of interacting with disputed fabricated hadiths. However, this study takes a unique approach by analyzing the role of al-qarā'in in determining the fabrication of a hadith, specifically the hadith "seeking knowledge as far to China." This study is significant in providing deeper insight into the use of qarā'in as a critical tool in assessing the status of fabricated hadiths and clarifying the reasons for scholarly disagreements. The study adopts a qualitative methodology, involving document and content analysis to gather and evaluate the data. The findings indicate that differences in scholars' views on the fabricated status of a hadith are based on the qarā'in employed, such as the status of the narrator and the content of the hadith. This research suggests further studies on the use of al-qarā'in in other fabricated hadiths and its application in hadith criticism methodology more comprehensively.

Keywords: *Fabricated Hadith, Maudhū' Al-Qarā'in, Criticism Methodology*

ABSTRAK

Hadith palsu atau maudhū' merupakan hadith yang tidak dapat disabitkan kesahihannya kepada Nabi Muhammad SAW, sama ada disebabkan kesilapan, kejahilan, atau niat jahat. Dalam kajian ini, hadith palsu dibahagikan kepada dua kategori utama: hadith yang disepakati kepalsuannya dan hadith yang diperselisihkan. Kebanyakan kajian terdahulu membincangkan realiti serta kaedah berinteraksi dengan hadith yang kepalsuannya diperselisihkan. Namun, kajian ini mengambil pendekatan unik dengan menganalisis peranan al-qarā'in dalam menentukan kepalsuan sesebuah hadith, khususnya hadith "menuntut ilmu hingga ke negara Cina". Kajian ini penting untuk mendalami penggunaan qarā'in sebagai alat kritis dalam menilai status hadith palsu dan memberi pencerahan terhadap sebab-sebab perselisihan dalam kalangan ulama. Metodologi kajian adalah kualitatif, melibatkan analisis dokumen dan kandungan untuk mengumpulkan serta menilai data. Hasil kajian menunjukkan bahawa perbezaan pandangan ulama dalam menentukan status palsu hadith adalah berdasarkan qarā'in yang digunakan, seperti status perawi dan kandungan matan hadith. Kajian ini mencadangkan penyelidikan lanjutan terhadap penggunaan al-qarā'in dalam hadith palsu lain dan aplikasinya dalam metodologi kritik hadith secara menyeluruh.

Kata kunci: Hadith Palsu, Maudhū', 'Al-Qarā'in, Kritik Hadith

PENDAHULUAN

Dalam perbincangan hadith, para ulama hadith sering menggunakan pendekatan yang menitikberatkan *dalīl* dan *qarā'in* (petunjuk) dalam menentukan (*tarjīh*) sesuatu hadith. *Qarā'in* merujuk kepada tanda-tanda atau bukti-bukti yang digunakan untuk membuat pilihan antara dua perkara yang bertentangan. Konsep ini diterapkan dalam ilmu hadith, terutamanya bagi menyelesaikan masalah 'illah dalam sesebuah hadith. Ibn Hajar al-'Asqalānī menjelaskan bahawa para ulama hadith tidak membuat penilaian terhadap hadith secara sewenang-wenangnya, tetapi mereka mentarjih berdasarkan *qarā'in* yang terkandung dalam hadith tersebut¹². Hakikatnya, *qarā'in* yang digunakan oleh ulama hadith sangat banyak dan tidak terhitung, bahkan tiada satu standard tetap yang mengikat penggunaannya. Seperti yang dinyatakan oleh al-San'ānī, jenis-jenis *qarā'in* yang diaplikasikan adalah pelbagai bagi menyelesaikan pelbagai masalah dalam hadith³. Namun demikian, beberapa jenis *qarā'in* yang sering digunakan oleh kebanyakan ulama hadith masih dapat dihindarkan. Sebagai contoh, 'Ādil al-Zuraqī telah mengumpulkan dan membahagikan *qarā'in* kepada dua kategori utama iaitu *qarā'in 'āmmah* (umum) dan *qarā'in khaṣṣah* (khusus), di mana setiap kategori ini mempunyai jenis-jenis yang tersendiri⁴.

Selain itu, *qarā'in* juga digunakan dalam menentukan kepalsuan sesuatu hadith. Kajian mengenai hadith palsu atau *maudhū'* sentiasa mendapat perhatian daripada para pengkaji hadith kerana hadith palsu merupakan satu bentuk penipuan terhadap Nabi SAW, dan perkara ini perlu ditangani dengan berhati-hati⁵. Tujuannya adalah untuk mengenalpasti punca-punca penyebaran hadith palsu dan mengambil langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya⁶. Pada masa yang sama, kajian dalam menentukan status palsu sesuatu hadith juga perlu dipertingkatkan, kerana ia turut menjadi punca perbezaan pandangan dan konflik dalam kalangan masyarakat.

SOROTAN LITERATUR

Kajian lepas mengenai hadith palsu dilihat menyentuh dari perspektif isu dan metodologi berinteraksi dengan hadith palsu. Berdasarkan carian dalam pangkalan data *Google Scholar* dari tahun 2015 hingga 2023, didapati beberapa kajian yang meneliti aspek penyebaran dan penilaian hadith palsu dalam konteks kontemporari.

Satu kajian oleh Abur Hamdi Usman dan Mohd Norzi Nasir pada tahun 2022 meneliti isu penyebaran hadith palsu dalam penerbitan di Malaysia serta kesannya terhadap masyarakat.

¹ Ibn Hajar al-'Asqalānī, *al-Nukat 'alā Kitāb Ibn al-Ṣalāh* ed. Rabī' bin Ḥādī al-Madkhalī (Madinah: 'Umādah al-Baḥṡ al-'Ilmī bi al-Jāmi'ah al-Islāmiyah al-Madīnah al-Munawwarah, 1984), 2:687

² Sayyid 'Abd al-Mājid al-Ghawrī, 'Ilm 'Ilal al-Ḥadīth Ta'rīfuh wa Ahammiyyatuh wa Aimmatuh wa Kutubuh (Selangor: Ma'had wa Dirāsāt al-Ḥadīth al-Sharīf bi Silanjūr, 2019), 136

³ Muḥammad bin Ismā'īl al-Ṣan'ānī, *Tawdīh al-Afkār li Ma'āni Tanqīh al-Anzār* ed. Abu 'Abd al-Raḥmān Ṣalāh bin Muḥammad bin 'Uwayḍah (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 2:28

⁴ Lihat: 'Ādil bin 'Abd al-Shakūr, *Qawā'id al-'Ilal wa Qarā'in al-Tarjīh* (Mesir: al-Rawḍah li al-Nashr wa al-Tawzī', 2017), 66-133

⁵ Mohd Shukri Mohd Senin, Hadith Palsu di Malaysia: Tinjauan Perkembangan dan Keberadaannya di Dalam Kitab-Kitab Jawi Silan dan Buku-Buku Agama Terpilih (2020), 2.

⁶ Abur Hamdi Usman & Mohd Norzi Nasir, Penyebaran Hadis Palsu dalam Penerbitan di Malaysia dan Kesannya kepada Masyarakat, Jurnal INHAD 12(23) 2022. 36.

Kajian ini menyimpulkan bahawa penyebaran hadith palsu dalam penerbitan perlu ditangani dengan lebih efektif bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam⁷.

Kajian lain oleh Nik Suhaili Nik Fauzi, Mesbahul Hoque dan Kauthar Abd Kadir pada tahun yang sama pula membincangkan konsep penyebaran hadith palsu melalui teknologi maklumat dan komunikasi masa kini. Penulis menekankan bahawa penggunaan teknologi tanpa kawalan boleh menyebabkan maklumat palsu tersebar lebih meluas⁸.

Sementara itu, Fajar Rachmadhani pada tahun 2019 menyentuh isu-isu kontemporari berkaitan hadith palsu dalam konteks pengurusan maklumat digital. Kajian ini menekankan keperluan contextualization dalam menghadapi cabaran era digital⁹.

Seterusnya, Mohd Fauzi Mohd Amin bersama Kabiru Goje, Amiruddin Mohd Sobali, dan Nurul Asiah Fasehah Muhammad pada tahun 2018 menjalankan penilaian terhadap hadith-hadith yang dihukumkan palsu dalam kitab al-Yawaqit wa al-Jawahir fi 'Uqubah Ahli al-Kabair karya Muhammad Ali Bin Abdul Rasyid Bin Abdullah al-Jawi al-Sambawi. Kajian ini bertujuan menilai semula status hadith dalam kitab tersebut berdasarkan metodologi kritikan hadith¹⁰.

Selain itu, Abdullah Mas'ud pada tahun 2018 membahaskan konsep hadith palsu sebagaimana yang disebut dalam kitab-kitab Muṣṭalah al-Hadīth, dengan memberi fokus kepada sejarah dan penerimaan konsep hadith palsu dalam kalangan ulama hadith¹¹.

Meskipun begitu, didapati bahawa kesemua kajian lepas memberi tumpuan kepada aspek metodologi dan isu penyebaran hadith palsu. Namun, kajian ini berhasrat membawa perbincangan hadith palsu daripada perspektif yang berbeza iaitu penggunaan *qarā'in* secara praktikal dalam menentukan kepalsuan sesebuah hadith. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompongan dalam kajian-kajian sebelum ini serta membuka cabang perbincangan hadith yang lebih meluas dan mendalam.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini merupakan sebuah kajian yang berasaskan pendekatan kualitatif. Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan iaitu dengan mengumpulkan sumber-sumber primer dan sekunder dalam mengenal pasti konsep *qarā'in* dan praktikalitinya dalam penilaian palsu hadith. Selain itu, kajian ini akan mengumpulkan konsep *qarā'in* dalam hadith palsu yang diperkenalkan oleh para ulama hadith dalam karya mereka. Sumber-sumber yang digunakan ini diperoleh daripada perpustakaan, artikel jurnal, tesis dan disertasi, buku berbentuk PDF dan digital library seperti aplikasi *al-Maktabah al-Shāmilah*.

⁷ Abur Hamdi Usman dan Mohd Norzi Nasir, Penyebaran Hadis Palsu Dalam Penerbitan Di Malaysia Dan Kesannya Kepada Masyarakat, *International Refereed Academic Journal in Hadith Studies*, 12(23) 2022.

⁸ Nik Suhaili Nik Fauzi et. al., Spreading Hadith Maudhu' Via Information And Communication Technology: Reasons And Suggestions, *Journal of Hadith Studies*, 7(1) 2022.

⁹ Fajar Rachmadhani, The Concept of Hadith Maudhū' and Its Contextualization in Information Management in the Digital Era, *Jurnal Studi Alquran dan Hadis*, 3(2) 2019.

¹⁰ Mohd Fauzi Mohd Amin et al, Penilaian Hadith Maudhu' Dalam Kitab al-Yawaqit wa al-Jawahir fi 'Uqubah Ahli al-Kabair, karangan Muhammad Ali Bin Abdul Rasyid Bin Abdullah al-Jawi al-Qadhi al-Sambawi, *Jurnal Sains Insani*, 3(3) 2018.

¹¹ Abdullah Mas'ud, Sejarah Hadits Mawdu' dalam Mustalahul Hadits, *Jurnal Keislaman*, 1(1) 2018.

Berkenaan analisis data pula, metode analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengenal pasti definisi sebenar *qarā'in* oleh para ilmuwan klasik dan kontemporari. Selain itu, konsep sebenar *qarā'in* dalam hadith palsu juga akan dijelaskan berdasarkan pendapat-pendapat ilmuwan yang muktabar. Seterusnya, melihat kepada kesinambungan konsep *qarā'in* terhadap hadith palsu melalui analisis yang dilakukan pada hadith menuntut ilmu sehingga ke negara Cina.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

KONSEP QARĀ'IN DAN PEMBAHAGIANNYA

Qarā'in terdiri daripada perkataan dalam Bahasa Arab. Ia merupakan bentuk jamak, sementara bentuk tunggalnya adalah *qarīnah*¹². Perkataan ini berasal dari kata kerja *qarana* yang bermaksud menggabungkan atau menyatukan sesuatu dengan sesuatu yang lain dengan kuat atau keras¹³. Selain itu, *qarana* juga bermaksud kebersamaan antara dua perkara¹⁴.

Daripada segi istilah, Sāmīr al-Kabīsī (2021) berpendapat bahawa tiada definisi yang jelas diberikan oleh ahli hadith terdahulu. Mereka cenderung menggunakan istilah ini seperti deria keenam yang ada pada seseorang¹⁵. Mustafa al-Zarqā' mendefinisikan *qarīnah* sebagai petunjuk yang mengarahkan kepada objektif atau hasil yang diinginkan¹⁶. Ahmad Ma'bad pula menggambarkan sebagai sesuatu yang menunjukkan objektif secara tidak langsung¹⁷. Tambahan lagi, Ayyub al-Husainī (m. 1094H) mendefinisikan *qarīnah* sebagai sesuatu yang menjelaskan objektif tanpa sengaja¹⁸. Berdasarkan pandangan-pandangan ini, dapat disimpulkan bahawa *qarīnah* dalam konteks istilah merujuk kepada petunjuk yang ditemui secara tidak langsung dan membantu menjelaskan objektif kajian.

Penggunaan *qarīnah* mempunyai asas rujukannya daripada syariat. Hal ini boleh dilihat dalam Al-Quran surah Yūsuf:

وَجَاءُوا عَلَى قَمِيصِهِ بِدَمٍ كَذِبٍ قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنْفُسُكُمْ أَمْرًا فَصَبْرٌ جَمِيلٌ وَاللَّهُ الْمُسْتَعَانُ عَلَى مَا تَصِفُونَ



Terjemahan: Dan (bagi mengesahkan dakwaan itu) mereka pula melumurkan baju Yūsuf dengan darah palsu. Bapa mereka berkata: "Tidak! Bahkan nafsu kamu memperelokkan kepada kamu suatu perkara (yang tidak diterima akal). Kalau demikian, bersabarlah aku dengan

¹² "Qarā'in." *Al-Ma'āny*, 2010, diakses pada 22 November 2023,

<https://www.almaany.com/ar/dict/arar/%D9%82%D8%B1%D8%A7%D8%A6%D9%86/>

¹³ Ibn Fāris, Ahmad bin Fāris. *Mu'jam Māqayis Al-Lughah*. tahkik Abdul Salam Harun. Vol. 5, Kaherah: Dār al-Fikr, 1979.

¹⁴ Ismail bin Ahmad. *Al-Sihāh Tāj Al-Lughah Wa Sihāh Al-'Arabiyah*. diedit oleh Ahmad Abd al-Ghafur. Beirut: Dār al-'Ilm, 1987.

¹⁵ Sāmīr al-Kabīsī. "Athar Al-Qarā'in Fī Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā' Al-Mubāsyr Wa Al-Tahdīth Bihi Mirāran." *Majallah al-Muhaddith al-'Irāqiyah* 3, no. 1 (2021), 106.

¹⁶ Hanān Qamāri. "Ta'arud Qarā'in Al-Tarjīh Wa Dawābit Daf'ihā 'Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilālī Kitābihi Al-'Ilal." Disertasi Master, Echahid Hama Lakhdar University, 2016.(42).

¹⁷ Masyaqbah, Abdul Rahman Muhammad. "Athar Al-Qarā'in Fi Ikhtilāf Al-Nuqqād Fi Tarjīh Bayna Al-Riwāyāt Wa l'Ilāhihā." *Majallah Nisf Sanawiyah Muhkamah* 18, no. 2 (2021), 253.

¹⁸ Ayyub al-Husainī. *Al-Kulliyāt Mu'jam Fi Al-Mustalahāt Wa Al-Furūq Al-Lughawiyah*. tahkik 'Adnān Darwisy. Beirut: Muasasah al-Risālah, 2009.

sebaik-baiknya, dan Allah jualah yang dipohonkan pertolonganNya, mengenai apa yang kamu katakan itu¹⁹.

Al-Qurtubī (m. 671H) menceritakan bahawa apabila adik-beradik Nabi Yūsuf AS ingin menggunakan darah sebagai *qarīnah* untuk menyokong dakwaan mereka, Allah SWT menzahirkan *qarīnah* balas bahawa tiada kesan gigitan serigala pada baju Nabi Yūsuf AS. Ketika Nabi Ya'qūb AS melihat situasi ini, Baginda tidak mempercayai dakwaan adik-beradik Nabi Yūsuf AS²⁰. Ini menunjukkan bahawa penggunaan *qarīnah* telah disyariatkan dalam Islam sejak zaman dahulu.

Abdullah Muhammad Hasan (2013) menyatakan bahawa para ilmuwan Islam bersetuju mengenai peranan *qarīnah* dalam ilmu fiqh, bahasa, usul fiqh, ilmu kalam, dan hadith secara umum, walaupun terdapat perbezaan dalam aplikasi dan pembahagiannya²¹. Namun, kajian ini hanya akan memfokuskan kepada ilmu hadith semata-mata. Abd Qādir Muhammad (2018) merumuskan definisi *qarīnah* dalam ilmu hadith sebagai tanda yang menunjukkan kewujudan atau ketiadaan 'illah pada sesebuah hadith yang berkaitan dengan perawi dan riwayat²².

Menurut Hātim al-Awnī (2018), terdapat perbezaan yang jelas antara *qarīnah* dan *dalīl*. *Dalīl* adalah bukti konkrit yang mencukupi untuk mensabitkan sesuatu dengan hanya satu *dalīl*, manakala *qarīnah* memerlukan lebih daripada satu petunjuk untuk mensabitkan sesuatu perkara²³. Hal ini boleh diibaratkan seperti kes pembunuhan. *Dalīl* diumpamakan sebagai pengakuan suspek, manakala *qarīnah* seperti motif pembunuhan. Pengakuan suspek sudah mencukupi untuk mensabitkan kesalahan membunuh, sedangkan motif pembunuhan sahaja tidak mencukupi tanpa disokong oleh *qarīnah* lain. Naurah Didān berpandangan *qarīnah* dalam hadith terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu *qarā'in al-tarjīh* dan *qarā'in al-ta'līl*. *Qarā'in al-tarjīh* merupakan petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk menentukan salah satu riwayat yang bercanggahan dengan riwayat yang lain. Di samping itu, *qarā'in al-ta'līl* bermaksud petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk memilih salah satu riwayat bermasalah daripada keduanya²⁴. Meskipun begitu, Hanān Qamari (2016) menambah dua pecahan lain iaitu *qarā'in al-jam'* yang digunakan untuk menggabungkan kedua-dua riwayat dan *qarā'in daf' al-'illah* memberi pengertian petunjuk untuk mengangkat 'illah yang terdapat pada kedua-dua riwayat²⁵. 'Ādil al-Zuraqī berpandangan *qarā'in* daripada sudut kuantiti terlalu banyak dan tidak dapat ditentukan limitasinya. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dibahagikan

¹⁹ Surah Yūsuf, 18.

²⁰ Al-Qurtubī. *Al-Jāmi' Li Ahkām Al-Qur'ān*. tahkik Abdullah bin Abd Muhsin. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006.

²¹ Abdullah Muhammad Hasan. *Al-Qarā'in Wa Atharuhā Fi 'Ilmi Al-Hadīth*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, 2012.

²² Sāmīr al-Kabīsī. "Athar Al-Qarā'in Fī Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā' Al-Mubāsyr Wa Al-Taḥdīth Bihi Mirāran." *Majallah al-Muhaddith al-'Irāqiyah* 3, no. 1 (2021).106.

²³ Hātim al-Awnī, Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Ḥadīth. Beirut: Markaz Namā' li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt, 2018 212.

²⁴ Naurah Didān. "Qarā'in Al-Tarjīh Allatī Wāzana Bihā Al-Hāfidh Al-Mizzzi 'Inda Al-Ikhtilāf Bi Ziyādah Rāwi Au Isqātihi Min Al-Isnād Min Khilālī Kitābihi Tahzīb Al-Kamāl: Dirāsag Nazariyyah." Tesis PhD, Universiti Qāsim (832).

²⁵ Hanān Qamāri. "Ta'ārud Qarā'in Al-Tarjīh Wa Dawābit Daf'ihā 'Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilālī Kitābihi Al-'Ilal." Disertasi Master, Echahid Hamma Lakhdar University, 2016.(45).

kepada dua kelompok iaitu *qarā'in* yang selalu digunakan oleh ilmuwan hadith dan dinamakan *qarā'in 'ammah*, manakala *qarā'in* yang kurang digunakan disebut sebagai *qarā'in khāṣṣah*²⁶.

PERANAN *QARĀ'IN*

Qarā'in daripada sudut peranan atau penggunaannya terbahagi kepada dua bahagian. Pertama *qarā'in isnādiyyah* iaitu petunjuk-petunjuk yang digunakan pada perbincangan sanad sama ada berkenaan sifat riwayat atau perbincangan keterputusan dan kebersambungan sanad. Bahagian kedua pula dinamakan *qarā'in matniyyah* bermaksud petunjuk-petunjuk yang digunakan pada perbincangan matan atau teks hadith²⁷.

Antara perbincangan *qarā'in* dalam skop sanad adalah menyentuh berkaitan ilmu *al-jarh wa al-ta'dīl*. Al-Haitham Muhammad (2021) mendefinisikannya sebagai petunjuk-petunjuk berhubung perawi, tokoh *al-jarh wa al-ta'dīl* atau konteks ulasan terhadap perawi yang boleh digunakan untuk menguatkan salah satu pandangan sama ada kritikan atau pujian²⁸.

Selain itu, *qarā'in* juga digunakan bagi menyelesaikan isu *tadlīs* bagi perawi. *Tadlīs* bermaksud helah yang digunakan oleh perawi. *Tadlīs* tidak sama seperti penipuan bahkan perawi tidak dihukum penipu sekiranya melakukan *tadlīs*²⁹. Justeru itu, *qarā'in al-tarjīh* diaplikasi untuk menyelesaikan masalah sama ada *tadlīs* yang dilakukan oleh perawi tersebut menyebabkan hadithnya tertolak dan tidak diterima³⁰.

Begitu juga *qarā'in* digunakan dalam isu pensabitan *samā'*. Menurut Majdi 'Atiyyah (2004) isu ini berlaku apabila perawi diperselisihkan status *samā'* berbanding perawi lain. Hal ini demikian apabila sebahagian tokoh hadith silam menetapkan berlaku *samā'* antara kedua-dua perawi walhal sebahagian tokoh yang lain menafikannya. Justeru pemilihan pandangan dijalankan melalui pendekatan *qarā'in al-tarjīh*³¹.

Contoh yang dapat dikeluarkan adalah situasi *samā'* perawi bernama Abān bin Uthmān bin 'Affān daripada ayahnya. Ahmad bin Hanbal menyatakan Abān tidak ada mengambil riwayat manakala Muslim bin Hajjāj meriwayatkan dalam sahih beliau hadith Abān daripada ayahnya³². Situasi lain, *samā'* Ibrahim bin Abd Rahman bin 'Auf daripada Umar. Al-Bayhaqī menyatakan *samā'* tersebut tidak berlaku sedangkan Ya'qūb bin Shaybah menetapkan sebaliknya³³.

Begitu juga berfokuskan kepada kajian, *qarā'in* juga memainkan peranan penting dalam menentukan kepalsuan sesuatu hadith. Dalam konteks ini, *qarā'in* digunakan sebagai alat untuk mengesan dan mengenalpasti elemen-elemen yang mencurigakan dalam sesuatu riwayat. Para ulama hadith menggunakan *qarā'in* sebagai petunjuk atau tanda yang dapat

²⁶ 'Ādil al-Zuraqī. *'Ādil Abd Syakur. Qawā'id Al-Ilal Wa Qarā'in Al-Tarjīh Riyadh*. Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī', 2004.

²⁷ Hanān Qamāri. "Ta'ārūd Qarā'in Al-Tarjīh Wa Dawābit Daf'ihā 'Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilālī Kitābihi Al-'Ilal." Disertasi Master, Echahid Hama Lakhdar University, 2016.(45).

²⁸ Al-Haitham Muhammad. "Qarā'in Al-Tarjīh Bayna Aqwāl Al-Jarh Wa Al-Ta'dīl Al-Muta'āridah 'Inda Ibn Addī Fi Kitābihi Al-Kāmil." Disertasi Master, Universiti Tayyibah, 2021.(6).

²⁹ Dzul Dzulraidi. *Terjemahan Syarah Muqizah Az-Zahabi* Terengganu: Paddi Resources, 2023, 64.

³⁰ Hātim al-Awnī, Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Ḥadīth. Beirut: Markaz Namā' li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt, 2018 210.

³¹ Majdi 'Atiyyah. *Al-Ilmā' Fi Itbāth Al-Samā'*. Mesir: Maktabah Ibn 'Abbās, 2005. 4.

³² *Ibid*, 6.

³³ *Ibid*, 7.

membantu dalam membuat kesimpulan mengenai status hadith, sama ada sahih, dhaif, atau palsu.

KESAN *QARĀ'IN AL-TARJĪH* DALAM PENENTUAN STATUS HADITH PALSU

Para muhaddithīn menghukumkan hadith sebagai palsu apabila terdapat perawi penipu dalam sanadnya. Ṭāriq Iwadullah (2008) menyatakan bahawa dalam banyak keadaan, para muhaddithīn menetapkan hadith sebagai palsu walaupun tidak terdapat perawi penipu dalam sanad tersebut. Hal ini berikutan para muhaddithīn melihat kepada *al-qarā'in* yang menunjukkan bahawa ia merupakan hadith palsu³⁴. Hal ini dipersetujui oleh Abdullah Muhammad Hasan (2013) bahkan beliau menegaskan bahawa terdapat sahaja hadith-hadith yang dinilai palsu oleh para muhaddithīn dalam keadaan mereka tidak menjalankan kajian terperinci terhadap sanadnya. Situasi ini kerana terdapat *qarīnah* yang menunjukkan hadith itu adalah palsu. Beliau sendiri membahagikan *al-qarā'in* dalam penentuan hadith palsu kepada dua bahagian³⁵. Ini merujuk kepada nas daripada Ibn Ṣolāh yang menyebut:

قال ابن الصلاح: وقد يُفْهَمُ الْوَضْعُ مِنْ قَرِينَةٍ حَالِ الرَّوَايَةِ، أَوْ الْمَرْوِيِّ، فَقَدْ وَضِعَتْ أَحَادِيثٌ طَوِيلَةٌ يَشْهَدُ بِوَضْعِهَا رِكَازَةُ أَلْفَاظِهَا وَمَعَانِيهَا".

Terjemahan: Ibn al-Ṣolāh berkata: Kadang-kadang pemalsuan (hadith) dapat difahami daripada petunjuk keadaan perawi atau riwayat yang disampaikan. Terdapat hadith-hadith panjang yang dicipta, dan pemalsuannya dapat dikenal pasti melalui kelemahan lafaz dan maknanya³⁶.

Hal ini turut dipersetujui oleh Ibn Qayyim al-Jawzī. Beliau menyatakan dalam *al-Manār al-Munīf*:

وقال ابن القيم في المنار المنيف: وَمِنْهَا مَا يُقْتَرَنُ بِالْحَدِيثِ مِنَ الْقَرَائِنِ الَّتِي يُعْلَمُ بِهَا أَنَّهُ بَاطِلٌ".

Terjemahan: Ibn al-Qayyim berkata: Dan antaranya adalah perkara yang disertai hadith dengan petunjuk-petunjuk yang menunjukkan bahawa hadith tersebut adalah palsu³⁷.

Contoh-contoh *al-qarā'in* dalam penentuan palsu hadith adalah seperti berikut:

Jadual 4: *Qarā'in* Penentuan Hadith Palsu

Bil.	Jenis <i>al-Qarā'in</i>	Bentuk-Bentuk <i>Qarīnah</i>
1.	<i>Al-Qarā'in</i> berkait sanad	1. Wujud unsur kebencian antara perawi dan teks hadith 2. Wujud unsur taksab antara perawi dan teks hadith
2.	<i>Al-Qarā'in</i> berkait apa yang matan	1. Hadith mempunyai lafaz yang tidak sesuai disandarkan kepada Nabi SAW. 2. Konteks hadith bercanggah dengan akal sehingga tidak dapat dihipunkan. 3. Konteks hadith menafikan dalil al-Quran yang qat'i.

³⁴ Tariq Iwadullah, *Iṣlāh al-Iṣṭilāh*, Riyadh: Maktabah al-Tau'iyah al-Islāmiyyah, 2008, 249.

³⁵ Abdullah Muhammad Hasan, *al-Qarā'in wa Atharuhā fi 'Ilm al-Hadīth*, Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, 2012, 105.

³⁶ Ibn Ṣolāh, *'Ulūm al-Hadīth*, Dimasyq: Dār al-Fikr, 1986, 199.

³⁷ Ibn Qayyim al-Jawzī, *al-Manār al-Munīf fi al-Sahīh wa al-Dha'if*, Mekah: Dār 'Ālim al-Fawā'id, 2007, 92.

		4. Konteks hadith menafikan dalil sunnah yang mutawatir.
		5. Konteks hadith bercanggah dengan fakta.
		6. Konteks hadith membincangkan perkara yang besar namun tidak diriwayatkan oleh ramai sahabat.
		7. Konteks hadith menjanjikan ganjaran yang besar dengan perbuatan yang kecil (bukan pada semua keadaan).

(Rujukan: Abdullah Muhammad Hasan, 2012³⁸)

Kesimpulannya, para *muhaddithīn* tidak semata-mata menilai hadith berdasarkan perawi penipu dalam sanadnya untuk menentukannya sebagai palsu, tetapi mereka turut menggunakan *al-qarā'in*, iaitu petunjuk-petunjuk yang berkait dengan perawi atau kandungan hadith itu sendiri. Dengan ini, *al-qarā'in* merupakan instrumen penting yang digunakan oleh para *muhaddithīn* dalam menentukan status hadith.

ANALISIS HADITH MENUNTUT ILMU SEHINGGA KE NEGARA CINA

Kajian meneliti satu hadith berkaitan konteks menuntut ilmu sehingga ke negara Cina. Analisis ini bertujuan untuk mengeluarkan variasi *qarīnah* yang digunakan oleh pelbagai tokoh dalam menilai hadith ini sebagai palsu. Kajian mengeluarkan pandangan tokoh-tokoh terhadap hadith ini kemudian memfokuskan kepada golongan yang menilainya sebagai palsu. Penelitian hadith dijalankan sepenuhnya bersandarkan kepada rujukan-rujukan di *al-Maktabah al-Shāmilah* berikutan ia memudahkan pencarian dan rujukan silang. Hadith yang dibincangkan adalah seperti berikut:

أخبرنا أبو عبد الله الحافظ أنا أبو الحسن علي بن محمد بن عقبة الشيباني ثنا محمد بن علي بن عفان (ح) وأخبرنا أبو محمد الأصبهاني أنا أبو سعيد بن زياد ثنا جعفر بن عامر العسكري قالنا ثنا الحسن بن عطية عن أبي عاتكة وفي رواية أبي عبد الله ثنا أبو عاتكة عن أنس بن مالك قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: اطلبوا العلم ولو بالصين فإن طلب العلم فريضة على كل مسلم.

Terjemahan: Abu Abdullah al-Hafiz memberitahu kami, katanya: Abu al-Hasan Ali bin Muhammad bin 'Uqbah al-Shaibani memberitahu kami, katanya: Muhammad bin Ali bin 'Affan memberitahu kami. (ح) Abu Muhammad al-Asbahani memberitahu kami, katanya: Abu Sa'id bin Ziyad memberitahu kami, katanya: Ja'far bin 'Amir al-'Askari memberitahu kami, katanya: Hasan bin 'Atiyyah daripada Abu 'Atikah. Dalam riwayat Abu Abdullah, katanya: Abu 'Atikah memberitahu kami daripada Anas bin Malik, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: Tuntutlah ilmu walaupun ke negeri China, kerana sesungguhnya menuntut ilmu itu adalah kewajipan bagi setiap Muslim³⁹.

Hadith ini telah dikeluarkan dalam beberapa karya hadith utama oleh para ulama. Antara sumber penting ialah *Al-Kāmil fī Dhu'afā' al-Rijāl* oleh Ibn 'Addī, *Syū'ab al-Īmān* oleh

³⁸ Abdullah Muhammad Hasan, *al-Qarā'in wa Atharuhā fī 'Ilm al-Hadīth*, Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syū'ūn al-Islāmiyyah, 2012, 105

³⁹ Abū Bakr al-Baihaqī, *Syū'ab al-Īmān*, Beirut: Dārl al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000. 254(2) no hadith 1663

al-Baihaqī, dan *Musnad al-Bazzār*. Selain itu, hadith ini juga terdapat dalam *Al-Madkhal ilā al-Sunan al-Kubrā, Jāmi' Bayān al-'Ilm wa Fadlih*, dan *Al-Jāmi' al-Kabīr*⁴⁰.

Setelah itu, kajian meneliti pandangan para ulama hadith mengenai status hadith ini. Kajian hanya mengambil kira pandangan tokoh-tokoh dalam bidang hadith sahaja. Begitu juga kajian hanya menyenaraikan pandangan tokoh-tokoh silam (*mutaqaddimīn*) dan klasik (*mutakhirīn*). Hal ini supaya perbincangan tidak menjadi terlalu panjang dan meleret. Rumusan pandangan para ulama adalah seperti berikut:

Jadual 6: Rumusan pandangan para ulama

Bil.	Senarai Tokoh	Pandangan
1.	Ahmad bin Hanbal (w 241h)	Sangat mengingkari hadith ini ⁴¹ .
2.	Al-Bazzār (w 292h)	Tiada asal dan batil ⁴² .
3.	Al-Uqailī (w 322h)	Dhaif jiddan ⁴³ .
4.	Ibn Hibbān (w 354h)	Tiada asal dan batil ⁴⁴ .
5.	Al-Baihaqī (w 458h)	Dhaif ⁴⁵ .
6.	Ibn al-Jawzī (w 654h)	Palsu ⁴⁶ .
7.	Al-Sakhawī (w 902h)	Dhaif ⁴⁷ .
8.	Al-Suyūṭī (w 911h)	Hasan ⁴⁸ .

⁴⁰ Ahmad bin 'Addī, *Al-Kāmil fī Dhu'afā'* al-Rijāl oleh Ibn 'Addī, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997. 292(1) no perawi 17.; Abū Bakr al-Baihaqī, *Syū'ab al-Īmān*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000. 254(2) no hadith 1663.; Abū Bakr al-Bazzār, *al-Bahr al-Zakhār*, Madinah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Hikam, 2009. Ms 164(1) no hadith 94.; Abū Bakr al-Baihaqī, *Al-Madkhal ilā al-Sunan al-Kubrā*, Kuwait: Dār al-Khulafā' li al-Kitāb al-Islāmī 2010, 241 no hadith 325.; Ibn Abd al-Barr, *Jāmi' Bayān al-'Ilm wa Fadlih*, Saudi: Dār Ibn al-Jawzī, 1994. 28(1) 21.; Al-Suyūṭī, *Al-Jāmi' al-Kabīr*, Kaherah: Al-Azhar al-Syarīf, 2005. 673(1) no hadith 3401/39.;

⁴¹ Ahmad bin Hanbal, *al-Jāmi' li 'Ulūm al-Imām Ahmad*, Mesir: Dār al-Falāh lil al-Bahts al-'Ilm wa Tahqīq al-Turāts, 2009. 79(14).

⁴² Muhammad al-'Uqailī, *al-Dhu'afā' al-Kabīr*, Beirut: Dār Maktabah al-'Ilmiyyah, 1984. 230(2).

⁴³ Al-'Uqailī, *al-Dhu'afā' al-Kabīr*, Beirut: Dār al-Maktabah al-'Ilmiyyah, 1984. 292(1).

⁴⁴ Ibn Hibbān, *al-Majrūhīn*, Halab: Dār al-Wa'yī, 1976. 382(1).

⁴⁵ Abū Bakr al-Baihaqī, *Syū'ab al-Īmān*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000. 254(2) no hadith 1663.

⁴⁶ Ibn al-Jawzī, *al-Mawdū'āt*, Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1966. 215(1).

⁴⁷ Al-Sakhawī, *al-Maqāsid al-Hasanah fī Bayān Kathīr min al-Ahādīth al-Musytahirah 'alā Alsinah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabī, 1985. 121.

⁴⁸ Ibn Hajar al-'Asqallānī, *al-Nukat 'alā Muqaddimah Ibn Ṣolāh*, Madinah: al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah, 1984. 43.

9.	Al-Zurqanī (w 1099h)	Dhaif ⁴⁹ .
10.	Al-Syaukanī (w 1250h)	Palsu ⁵⁰ .

Hasil rumusan mendapati pandangan para muhaddithīn mengenai hadith ini terbahagi kepada tiga kelompok utama iaitu (1) menganggap hadith ini sebagai hasan dan autentik. (2) menghukum hadith ini sebagai mardud sama ada dhaif atau *dhaif jiddan*. (3) menghukum hadith ini sebagai palsu.

Justeru kajian meneliti aspek *qarā'in* yang digunakan oleh tokoh-tokoh yang menilai hadith ini sebagai palsu. Kelompok yang menilai hadith ini sebagai palsu adalah seperti berikut:

Jadual 7: Pandangan ulama yang menghukum palsu

Bil.	Senarai Tokoh	Pandangan
1.	Ahmad bin Hanbal (w 241h)	Sangat mengingkari hadith ini.
2.	Al-Bazzār (w 292h)	Tiada asal.
3.	Ibn Hibbān (w 354h)	Tiada asal dan batil.
4.	Ibn al-Jawzī (w 654h)	Palsu.
5.	Al-Syaukanī (w 1250h)	Palsu.

Analisis dijalankan ke atas setiap tokoh mendapati Ahmad bin Hanbal tidak menyatakan alasan pengingkarannya terhadap hadith ini. Hal yang sama bagi al-Syaukanī sebaliknya beliau hanya menukilkan pandangan tokoh-tokoh lain seperti Ibn Hibbān dan Ibn al-Jawzī.

Bagi al-Bazzār, beliau menyatakan bahawa perawi Abū al-‘Ātikah yang meriwayatkan hadith ini tidak dikenali dan diketahui siapakah dia. Sedangkan beliau merupakan paksi (*madār*) kepada semua sanad hadith ini. Justeru kewujudan seorang perawi yang langsung tidak dikenali dan menjadi paksi keseluruhan sanad merupakan *qarīnah* palsu hadith bagi al-Bazzār. Ibn Hibbān menyataatkan bahawa perawi yang meriwayatkan hadith ini, Abū al-‘Ātikah merupakan perawi *munkar al-hadīth*. Beliau meriwayatkan hadith daripada Anas yang tidak menyerupai hadith Anas. Ibn Hibbān menganggap lafaz hadith yang tidak sesuai disandarkan kepada Anas bin Mālik sebagai *qarīnah* hadith ini batil dan tiada asal. Seterusnya, Ibn al-Jawzī membahaskan hadith ini secara terperinci. Beliau telah menyenaraikan semua sanad bagi hadith dan mengatakan perawi bernama Abū al-‘Ātikah adalah perawi bermasalah. Al-Bukhārī menghukumnya sebagai *munkar al-hadīth*. Oleh kerana Abū al-‘Ātikah menjadi

⁴⁹ Al-Zurqanī, Mukhtaṣar al-Maqāsid al-Hasanah fī Bayān Kathīr min al-Ahādīth al-Musytahirah ‘alā Alsinah, Beirut: al-Maktabah al-Islāmī, 2008. 109.

⁵⁰ Al-Syaukanī, al-Fawāid al-Majmū‘ah, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2010. 272.

paksi kepada semua sanad bagi hadith ini, justeru Ibn al-Jawzī melihat ia sebagai satu *qarīnah* palsu hadith. Justeru dapat diperhatikan terdapat tiga *qarīnah* asas daripada penilaian palsu hadith ini iaitu:

Jadual 8: Rumusan *qarīnah* hadith menuntut ilmu ke negara Cina

Bil	Kategori <i>Qarīnah</i>	Bentuk <i>Qarīnah</i>
1.	<i>Al-Qarā'in</i> berkait perawi	- Perawi tidak dikenali dalam keadaan menjadi paksi (<i>madār</i>) keseluruhan sanad. - Perawi paksi (<i>madār</i>) sangat bermasalah dalam keadaan kebanyakan perawi lain tidak mempunyai isu.
2.	<i>Al-Qarā'in</i> berkait apa yang diriwayatkan	Hadith tidak menyerupai kebiasaan riwayat Anas bin Mālik dan tidak layak disandarkan kepadanya.

Perlu dijelaskan bahawa *qarīnah* yang dinyatakan hanyalah yang dapat diekstrak berdasarkan perbincangan para muhaddithīn tersebut. Menurut 'Ādil al-Zuraqī (2004), banyak *qarīnah* yang digunakan oleh para muhaddithīn tidak dapat diekstrak berikutan mereka tidak menyatakannya dalam perbincangan dan ulasan hadith⁵¹.

Justeru itu hasil kajian telah menjawab persoalan utama penyelidikan ini iaitu mengeluarkan analisis *qarīnah* bagi hadith menuntut ilmu sehingga ke negara Cina.

KESIMPULAN

Kesimpulan daripada kajian ini merumuskan bahawa *qarā'in* memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan kepalsuan sesebuah hadith. Melalui analisis terhadap hadith menuntut ilmu ke negara Cina, para ulama hadith telah menggunakan pelbagai bentuk *qarā'in* untuk menilai status hadith tersebut. Antaranya adalah *qarā'in* berkaitan perawi, seperti kewujudan perawi yang tidak dikenali dan bermasalah dalam sanad. Selain itu, *qarā'in* berkaitan matan hadith juga diperhatikan, di mana kandungan hadith tersebut tidak sesuai disandarkan kepada Nabi SAW kerana ia bertentangan dengan kebiasaan riwayat Anas bin Mālik.

Kajian juga menunjukkan bahawa para muhaddithīn akan berbeza pandangan dalam menetapkan status palsu sesebuah hadith apabila tiada bukti yang jelas, justeru mereka terpaksa menetapkan status dengan mengambil kira petunjuk-petunjuk lain seperti kedudukan perawi dalam sanad dan kandungan matan hadith. Oleh itu, penggunaan *qarā'in* membolehkan para muhaddithīn membuat penilaian yang lebih menyeluruh dan tepat dalam menentukan status kepalsuan sesebuah hadith. Kajian lanjut disarankan untuk meneroka lebih dalam penggunaan *qarā'in* dalam hadith-hadith palsu yang lain dan penerapannya dalam metodologi kritik hadith.

⁵¹ 'Ādil al-Zuraqī. 'Ādil Abd Syakur. *Qawā'id Al-Ilal Wa Qarā'in Al-Tarjīh Riyadh*. Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī', 2004. 30.

RUJUKAN

- ‘Ādil al-Zuraqī, *Qawā'id Al-Ilal Wa Qarā'in Al-Tarjīh*, Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī', 2004.
- “Qarā'in.” Al-Ma'āny, 2010. Diakses pada 22 November 2023, <https://www.almaany.com/ar/dict/arar/%D9%82%D8%B1%D8%A7%D8%A6%D9%86/>.
- Abdullah Mas'ud, “Sejarah Hadits Mawdu' dalam Mustalahul Hadits,” *Jurnal Keislaman* 1(1) 2018.
- Abdullah Muhammad Hasan, *Al-Qarā'in Wa Atharuhā Fi 'Ilmi Al-Hadīth*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, 2012.
- Abū Bakr al-Baihaqī, *Al-Madkhal ilā al-Sunan al-Kubrā*, Kuwait: Dār al-Khulafā' li al-Kitāb al-Islāmī, 2010.
- Abū Bakr al-Baihaqī, *Syu'ab al-Īmān*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000.
- Abū Bakr al-Bazzār, *al-Bahr al-Zakhār*, Madinah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Hikam, 2009.
- Abur Hamdi Usman & Mohd Norzi Nasir, “Penyebaran Hadis Palsu dalam Penerbitan di Malaysia dan Kesannya kepada Masyarakat,” *Jurnal INHAD* 12(23) 2022.
- Abur Hamdi Usman dan Mohd Norzi Nasir, “Penyebaran Hadis Palsu Dalam Penerbitan Di Malaysia Dan Kesannya Kepada Masyarakat,” *International Refereed Academic Journal in Hadith Studies* 12(23) 2022.
- Ahmad bin 'Addī, *Al-Kāmil fī Dhu'afā' al-Rijāl*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.
- Ahmad bin Hanbal, *al-Jāmi' li 'Ulūm al-Imām Ahmad*, Mesir: Dār al-Falāh lil al-Bahts al-'Ilm wa Tahqīq al-Turāts, 2009.
- Al-Haitham Muhammad, “*Qarā'in Al-Tarjīh Bayna Aqwāl Al-Jarh Wa Al-Ta'dīl Al-Muta'aridah 'Inda Ibn Addī Fi Kitābihi Al-Kāmil*,” Disertasi Master, Universiti Tayyibah, 2021.
- Al-Qurtubī, *Al-Jāmi' Li Ahkām Al-Qur'ān*, ed. Abdullah bin Abd Muhsin. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006.
- Al-Sakhawī, *al-Maqāsid al-Hasanah fī Bayān Kathīr min al-Ahādīth al-Musytahirah 'alā Alsinah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabī, 1985.
- Al-Suyūṭī, *Al-Jāmi' al-Kabīr*, Kaherah: Al-Azhar al-Syarīf, 2005.
- Al-Syaukanī, *al-Fawā'id al-Majmū'ah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2010.
- Al-Zurqanī, *Mukhtaṣar al-Maqāsid al-Hasanah fī Bayān Kathīr min al-Ahādīth al-Musytahirah 'alā Alsinah*, Beirut: al-Maktabah al-Islāmī, 2008.
- Ayyub al-Husainī, *Al-Kulliyāt Mu'jam Fi Al-Mustalahāt Wa Al-Furūq Al-Lughawiyah*, ed. 'Adnān Darwisy. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2009.
- Dzul Dzulraidi, *Terjemahan Syarah Muqizah Az-Zahabi*. Terengganu: Paddi Resources, 2023.
- Hanān Qamāri, “*Ta'arud Qarā'in Al-Tarjih Wa Dawābit Daf'ihā 'Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilālī Kitābihi Al-'Ilal*,” Disertasi Master, Echahid Hamma Lakhdar University, 2016.
- Ḥātim al-Awnī, *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Ḥadīth*. Beirut: Markaz Namā' li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt, 2018.
- Ibn Abd al-Barr, *Jāmi' Bayān al-'Ilm wa Fadlih*, Saudi: Dār Ibn al-Jawzī, 1994.
- Ibn al-Jawzī, *al-Mawdū'āt*, Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1966.
- Ibn Fāris, Ahmad bin Fāris. *Mu'jam Māqayis Al-Lughah*, ed. Abdul Salam Harun. Vol. 5, Kaherah: Dār al-Fikr, 1979.
- Ibn Hajar al-'Asqalanī, *al-Nukat 'alā Kitāb Ibn al-Ṣalāh*, ed. Rabī' bin Ḥādī al-Madkhalī. Madinah: 'Umādah al-Baḥth al-'Ilmī bi al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah al-Madīnah al-Munawwarah, 1984.
- Ibn Hibbān, *al-Majrūhīn*, Halab: Dār al-Wa'yi, 1976.

- Ibn Qayyim al-Jawzī, *Al-Manār al-Munīf fī al-Sahīh wa al-Dha'if*. Mekah: Dār 'Ālim al-Fawā'id, 2007.
- Ibn Ṣolāh, *'Ulūm al-Hadīth*. Dimasyq: Dār al-Fikr, 1986.
- Ismail bin Ahmad. *Al-Sihāh Tāj Al-Lughah Wa Sihāh Al-'Arabiyyah*, ed. Ahmad Abd al-Ghafur. Beirut: Dār al-'Ilm, 1987.
- Majdi 'Atiyyah, *Al-Ilmā' Fī Itbāth Al-Samā'*. Mesir: Maktabah Ibn 'Abbās, 2005.
- Masyaqbah, Abdul Rahman Muhammad. "Athar Al-Qarāin Fī Ikhtilāf Al-Nuqqād Fī Tarjīh Bayna Al-Riwāyāt Wa l'lālihā," *Majallah Nisf Sanawiyah Muhkamah* 18, no. 2 (2021).
- Mohd Awang Idris, Haslina Muhammad, dan R Zirwatul Aida R Ibrahim, *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018.
- Mohd Fauzi Mohd Amin et al., "Penilaian Hadith Maudhu' Dalam Kitab al-Yawaqit wa al-Jawahir fī 'Uqubah Ahli al-Kabair," *Jurnal Sains Insani* 3(3) 2018.
- Mohd Shukri Mohd Senin, *Hadith Palsu di Malaysia: Tinjauan Perkembangan dan Keberadaannya di Dalam Kitab-Kitab Jawi Silam dan Buku-Buku Agama Terpilih*, 2020.
- Muhammad al-'Uqailī, *al-Du'afā' al-Kabīr*, Beirut: Dār Maktabah al-'Ilmiyyah, 1984.
- Muḥammad bin Ismā'īl al-Ṣan'ānī, *Tawdīh al-Afkār li Ma'ānī Tanqīh al-Anzār*, ed. Abu 'Abd al-Raḥmān Ṣalāh bin Muḥammad bin 'Uwaydah. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.
- Naurah Didān, "*Qarāin Al-Tarjīh Allatī Wāzana Bihā Al-Hāfidh Al-Mizzzi 'Inda Al-Ikhtilāf Bi Ziyādah Rāwi Au Isqātihi Min Al-Isnād Min Khilālī Kitābihi Tahzīb Al-Kamāl: Dirāsah Nazariyyah*," Tesis PhD, Universiti Qāsim.
- Nik Suhaili Nik Fauzi et al., "Spreading Hadith Maudhu' Via Information And Communication Technology: Reasons And Suggestions," *Journal of Hadith Studies* 7(1) 2022.
- Sāmīr al-Kabīsī, "Athar Al-Qarāin Fī Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā' Al-Mubāsyir Wa Al-Tahdīth Bihi Mirāran," *Majallah al-Muhaddith al-'Irāqiyah* 3, no. 1 (2021).
- Sāmīr al-Kabīsī, "Athar Al-Qarāin Fī Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā' Al-Mubāsyir Wa Al-Tahdīth Bihi Mirāran," *Majallah al-Muhaddith al-'Irāqiyah* 3, no. 1 (2021).
- Sayyid 'Abd al-Mājid al-Ghawrī, *'Ilm 'Illal al-Hadīth: Ta'rīfuhu wa Ahammiyyatuhu wa Aimmatuhu wa Kutubuhu*. Selangor: Ma'had wa Dirāsāt al-Hadīth al-Sharīf bi Silanjūr, 2019.
- Surah Yūsuf, 18.
- Tariq Iwadullah, *Iṣlāh al-Iṣṭilāh*. Riyadh: Maktabah al-Tau'iyah al-Islāmiyyah, 2008.